



05 MAR, 2023

FAMA Pahang terima 720,000 telur untuk diagih

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA Pahang terima 720,000 telur untuk diagih

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menerima sebanyak 720,000 biji telur ayam gred A, B dan C dalam tempoh empat bulan sejak November tahun lalu untuk diedarkan kepada pengguna serta peniaga yang berdaftar dengan agensi berkenaan di negeri ini.

Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri, berkata penghantaran telur daripada pembekal utama di Melaka, diterima antara sekali hingga empat kali sebulan tertakluk kepada permintaan semasa.

Beliau berkata, telur dibekalkan FAMA sekurang-kurangnya dapat menampung bekalan sumber makanan berkenaan yang terjejas sebelum ini, disebabkan berlaku kekurangan pengeluaran.

Tahun lalu, katanya, pihaknya mengedarkan lebih 201,000 telur membabitkan tiga kali penghantaran, bermula pada 16 November lalu.

Dalam tempoh dua bulan tahun ini lapan penghantaran diterima.

"Kali ini pengguna dan peniaga perlu datang sendiri ke pejabat FAMA Pahang untuk mendapatkan telur. Jualan di Pasar Tani Kekal Jerantut dan Pasar Tani Kekal Pekan, termasuk Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan, Pasar Tani Beserah dan Pasar Tani Rompin dilakukan setiap kali bekalan diterima.

"Jualan turut dilakukan di tujuh program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) antaranya di daerah ini, Rompin, Lipis, Maran dan Jerantut," katanya ketika di-

hubungi, semalam.

Sebelum ini, FAMA mengagihkan bekalan telur kepada lebih 15 penjual terdiri daripada usahawan bimbingan FAMA seperti AgroBazar Rakyat, Pusat Khidmat Pemasaran FAMA (PKPF), peniaga Pasar Tani, pemborong, pekedai runcit dan FAMA daerah.

Saiful berkata, sebelum ini sambutan diterima terhadap telur yang dibekalkan amat menggalakkan apabila hanya dalam masa beberapa jam, telur habis diagihkan kepada usahawan, termasuk pengguna.

Katanya, telur dijual mengikut harga kawalan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Beliau berkata, pengguna yang ingin mendapatkan telur daripada FAMA boleh

membelinya secara dalam talian dan baucar RM10 diberikan kepada mereka yang membeli RM30 ke atas bagi 1,000 pembeli pertama.

"Kita akan terus mengedar telur ayam selagi ada permintaan daripada pengguna di negeri ini. Proses membawa masuk telur ayam akan dilakukan secara berperingkat dengan jumlahnya tertakluk kepada permintaan daripada usahawan.

"Kita akan bekerjasama dengan usahawan bagi mendapatkan maklumat berkaitan permintaan daripada pengguna sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya yang berharap isu berkaitan kekurangan telur ayam dapat diselesaikan secara berperingkat.



Saiful Sadri



05 MAR, 2023

FAMA Pahang terima 720,000 telur untuk diagih

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menerima sebanyak 720,000 biji telur ayam gred A, B dan C dalam tempoh empat bulan sejak November tahun lalu untuk diedarkan kepada pengguna serta peniaga yang berdaftar dengan agensi berkenaan di negeri ini. Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri, berkata penghantaran telur daripada pembekal utama di Melaka, diterima antara sekali hingga empat kali sebulan

semalam.